

09/05/1997

Pemimpin patut ada kekuatan

JOHOR BAHRU, Khamis - Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengingatkan ahli Umno terutama pemimpin di peringkat akar umbi supaya mempunyai kekuatan dalaman bagi mencapai arah budaya reformasi.

Sambil merujuk kepada peristiwa Hijrah, beliau berkata, pemimpin Umno perlu ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab serta menyahut saranan reformasi oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, pemimpin Umno perlu menjauhkan diri daripada perkara yang boleh merosakkan parti seperti penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Sebab itu, kekuatan dalaman penting. Jika kesedaran di kalangan kita tidak ada, bagaimana kita hendak mengubah apa yang dirancangkan.

"Oleh itu, kita harus bersyukur dan menjadikan peristiwa Hijrah sebagai teladan dalam reformasi budaya," katanya merasmikan Perhimpunan Umno Johor (1) yang bertemakan Muafakat Akar Umbi Ke Arah Budaya Reformasi di sini, malam ini.

Perhimpunan dua hari itu disertai lebih 3,000 ahli Umno dari 1,760 cawangan di seluruh Johor yang bertujuan menilai semula perancangan serta janji pembangunan kerajaan negeri serta parti dalam pilihan raya umum yang lalu.

Turut hadir ialah Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor yang juga Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Timbalan Pengerusinya, Datuk Syed Hamid Albar; Ketua Penerangan Umno Johor, Datuk Hishamuddin Tun Hussein; Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Timbalan Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah pemimpin Umno yang mementingkan diri sendiri dengan mengumpulkan harta untuk dirinya serta saudara maranya.

Menurutnya, sikap itu tidak sepatutnya berlaku kerana pemimpin Umno yang dipilih mempunyai tanggungjawab yang besar untuk disempurnakan dalam usaha memberi keadilan dan pengagihan kekayaan.

"Jangan buat tuntutan yang tidak sepatutnya kepada pemimpin kerana bukan kerja pemimpin memberi kekayaan kepada pemimpin peringkat akar umbi termasuk ketua cawangan," katanya.

(END)